

# Harapan tinggi kepada pelajar

MAY 23 2007

**S**EOUL 22 Mei — Kerajaan menaruh harapan tinggi kepada golongan pelajar supaya menimba ilmu bagi mengisi cita-cita para pejuang kemerdekaan negara dan bukannya bertindak seperti sesetengah pelajar Malaysia di beberapa negara yang mempelajari cara-cara untuk mengguling kerajaan dengan senjata.

Menurut Perdana Menteri, di negara-negara itu, pelajar-pelajar berkenaan telah didatangi oleh pihak-pihak tertentu untuk menanamkan semangat benci mereka kepada negara dan pemimpin.

“Kita tahu ada di negara-negara lain penuntut Malaysia diganggu untuk membenci dan menggulingkan kerajaan. Amat malang sekali mereka ini (pelajar berkenaan) berasal dari orang miskin yang sepatutnya bersyukur kerana berpeluang untuk menimba ilmu, malangnya (gerakan mereka) kita dapat kesan dalam tahanan.

“Saya gembira di Jepun dan Korea Selatan tidak

banyak pelajar dihasut oleh pihak-pihak tertentu. Mereka kelihatan ceria kerana tiada mana-mana pihak yang datang untuk menanam kebencian kepada negara,” katanya di majlis beramah mesra dengan pelajar dan rakyat Malaysia yang berada di negara ini, di sini malam ini.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan menghantar anak-anak muda ke luar negara supaya menimba ilmu dan kecekapan tertentu dan apabila balik kelak dapat menyumbang kepada negara.

## Kecekapan

“Harapan kita 2020 kita akan menjadi negara maju dan ia tidak mungkin jadi jika rakyat tiada ilmu yang mencukupi. Kalau sayangkan negara kita tiada cara lain selain menguasai ilmu untuk berkhidmat kepada bangsa, agama dan negara,” katanya.

Majlis itu turut diserikan dengan pertunjukkan tarian dan kebudayaan Malaysia oleh sekumpulan pelajar-pelajar keturunan Korea.

Perdana Menteri turut menyentuh mengenai keharmonian kaum di Malaysia yang disifatkannya sebagai satu-satunya negara yang berjaya mewujudkan suasana harmonis antara tiga kaum terbesar dan lebih 30 suku kaum yang menetap di situ.

“Di negara lain golongan majoriti menekan minoriti, tapi di Malaysia tiada tekanan ke atas mereka malah kita benarkan agama, bahasa dan budaya masing-masing dkekalkan. Malaysia sahaja sebuah negara di dunia, yang berpenduduk majoriti Melayu, membenarkan sekolah Cina dan Tamil dijadikan bahasa pengantar dengan bantuan kerajaan.

“Kita lebih liberal dan free (bebas) daripada orang lain,” jelas beliau yang turut menyentuh mengenai soal penjajahan, serta keyakinan rakyat ketika itu untuk mentadbir negara sendiri.

Di majlis itu juga, para pelajar berpeluang berinteraksi dengan Dr. Mahathir dan antara soalan yang ditanya ialah meng-

apa Malaysia mahu membeli kereta kebal dari Poland yang didakwa kurang sesuai untuk negara.

Jelas Perdana Menteri, sebelum kerajaan bersetuju untuk membelinya, peralatan ketenteraan itu diuji oleh beberapa pihak.

Kata beliau lagi, adalah menjadi dasar kerajaan untuk tidak bergantung kepada sesebuah negara sahaja sebagai pengedar kelengkapan ketenteraan negara.

Beliau turut ditanya mengenai soal mata wang dinar, yang menurutnya relevan untuk dilaksanakan, dengan syarat di per-setujui oleh negara-negara lain.

Mengenai soal meritokrasi, beliau berkata kerajaan akan mencuba pada tahun depan supaya sistem merit ini tidak akan ‘mendera’ mana-mana pihak.

Terdahulu beliau turut menjelaskan mengenai kekeliruan yang timbul daripada pelaksanaan sistem tersebut dalam pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam tahun ini. - *Utusan*.